



# SIARAN MEDIA

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT



## PELANCARAN PELAN TINDAKAN ORANG KURANG UPAYA 2016-2022

**PUTRAJAYA, 9 OGOS** – Pelan Tindakan Orang Kurang Upaya 2016-2022 telah dilancarkan hari ini bagi menterjemahkan Dasar OKU ke dalam program dan aktiviti untuk memudahkan pemegang taruh (stakeholders) yang berkaitan melaksanakannya dengan berkesan. Terdapat 10 teras strategik di dalam Pelan ini yang membantu Kerajaan dalam merancang program pemulihan, latihan, pendidikan, kesihatan, menyediakan perkhidmatan dan kemudahan yang bersesuaian untuk OKU.

Pelan Tindakan OKU 2016-2022 telah dirangka selaras dengan komitmen terbaharu negara di peringkat antarabangsa melalui penerimaan terhadap ***Incheon Strategy to Make the Right Real for Persons with Disabilities in Asia and the Pacific*** pada tahun 2012. Pelan sedia ada yang telah memasuki tahun ketujuh disemak semula supaya strategi dan program yang dirancang serta dijalankan menepati perkembangan dan keperluan semasa golongan OKU. Majlis pelancarannya telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Rohani Abdul Karim, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Menurut YB Dato' Sri Rohani, berdasarkan **Sistem Pengurusan Maklumat OKU (SMOKU)** hingga Jun 2016, terdapat **seramai 388,566 OKU** yang telah berdaftar dengan JKM. Oleh itu, saya ingin menyeru kepada semua lapisan masyarakat termasuk pertubuhan bukan Kerajaan yang mewakili kepentingan OKU, tidak kira di mana, yang mempunyai anak-anak OKU supaya berdaftar secepat mungkin bagi membolehkan mereka menikmati kemudahan-kemudahan yang telah disediakan oleh pelbagai agensi Kerajaan dan swasta”.

Majlis pada hari ini turut menyaksikan seramai 18 wakil agensi-agensi peneraju menerima Watikah Pelantikan Agensi Peneraju Pelan Tindakan OKU 2016-2022.

Disediakan oleh:

- ❖ Unit Komunikasi Korporat  
Kementerian Pembangunan Wanita,  
Keluarga dan Masyarakat  
Aras 35, No. 55, Persiaran Perdana,  
Presint 4, 62100 Putrajaya.  
❖ No.Telefon: 03-8323 1087  
No.Faks : 03-8323 2012  
✉ E-mel : info@kpwkm.gov.my

ADUAN KRISIS MASYARAKAT  
**TALIAN Kasih**  
**15999**

-  <http://www.kpwkm.gov.my>
-  <https://www.facebook.com/kpwkm>
-  <https://twitter.com/KPWKM>
-  <https://www.instagram.com/kpwkm>
-  <https://www.youtube.com/user/KPWKMINFO>

